

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 27 JUN 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 23

### Kerajaan teliti 4 syor ACCCIM

# *Kerajaan teliti 4 syor ACCCIM*

**Tumpat:** Kerajaan memberi perhatian terhadap empat cadangan dikemukakan secara bertulis oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) sebelum dibentangkan dalam Belanjawan 2023 pada Oktober depan, antaranya isu pengambilan pekerja asing dan pengawalan inflasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, turut dikemukakan ACCCIM ada-

lah masalah capaian internet dan isu berkaitan keselamatan makanan.

“Kerajaan mengalu-alukan penyertaan dan komitmen pihak swasta dan komuniti perniagaan seperti ACCCIM untuk bersama mencari jalan penyelesaian terhadap cabaran dalam menjalankan perniagaan terutama dalam konteks pemulihan ekonomi negara pasca Covid-19.

“Selain itu, kerajaan terus memantapkan perannya sebagai pemudah

cara dalam menyelesaikan isu dan cabaran berkaitan peraturan bagi menambah baik persekitaran perniagaan, melonjakkan produktiviti dan daya saing peniaga, serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Inisiatif Pucuk Hijau UMW di Pantai Sri Tujoh di sini, kelmarin, yang turut dihadiri Pengerusi Kumpulan UMW Holdings Bhd Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.